



BUKU PERATURAN TATATERTIB PELAJAR KOLEJ ANTARABANGSA UNIFIELD



ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
A	PENGENALAN	2
	PERATURAN AM	3
	I. LARANGAN – LARANGAN AM	3
	II. MENGANJURKAN PERHIMPUNAN	4
	III. PEMBESAR SUARA	4
	IV. SEPANDUK	4
	V. PENERBITAN, DOKUMEN DAN SEBAGAINYA	5
	VI. KEGIATAN PELAJAR LUAR KAMPUS	5
	VII. PELAJAR YANG MELIBATKAN DIRI DALAM PEKERJAAN	5
	VIII. REPRESENTATIF BERHUBUNGAN DENGAN KOLEJ	5
	IX. BANTAHAN PELAJAR TERHADAP KEMASUKAN ORANG – ORANG KE DALAM KAMPUS	5
	X. JUDI DI DALAM KAMPUS	5
	XI. MEMINUM MINUMAN KERAS	6
	XII. BAHAN LUCAH	6
	XIII. DADAH ATAU RACUN	6
	XIV. KEBERSIHAN DI DALAM KAMPUS	6
	XV. MEMBUAT BISING	7
	XVI. PEMERIKSAAN KE ATAS PELAJAR YANG DISYAKI MEMPUNYAI GANGGUAN MENTAL	7
	XVII. TEMPAT TINGGAL ATAU TEMPAT TIDUR DI DALAM KAMPUS	7
	XVIII. MEMASUKI BAHAGIAN ATAU BANGUNAN KAMPUS YANG DILARANG	7
	XIX. MEROKOK	7
	XX. KEINGKARAN	7
C	ETIKA TATATERTIB DAN DISIPLIN PELAJAR KOLEJ ANTARABANGSA UNIFIELD	8
	I. PAKAIAN DAN RUPA DIRI PELAJAR LELAKI	8
	II. PAKAIAN DAN RUPA DIRI PELAJAR PEREMPUAN	9
	III. PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN KAD MATRIK DI DALAM KAWASAN KAMPUS	10
	IV. PENJAGAAN HARTA BENDA KOLEJ	10
	V. PENGUATKUASAAN WAKTU KELUAR MASUK ASRAMA PELAJAR	10
D	HARTA BENDA KOLEJ	10
E	LAMPIRAN	11
F	IKRAR PELAJAR	11
G	AKUJANJI PELAJAR	12

A) Pengenalan

Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Kolej Antarabangsa Unifield diterbitkan bagi memberi panduan kepada para pelajar tentang peraturan yang perlu dipatuhi bagi melancarkan pembelajaran dan pengajaran sepanjang berada di kolej ini.

KOLEJ ANTARABANGSA UNIFIELD

Visi

Menjadi sebuah institusi pendidikan unggul, melahirkan tenaga profesional yang berwibawa bagi merealisasikan wawasan Negara.

Misi

Mewujudkan peluang bagi membentuk potensi pelajar mencapai kecemerlangan pendidikan dan latihan kemahiran.

Objektif

- Menyediakan program akademik dan kemahiran di peringkat sijil, diploma dan ijazah bagi melahirkan graduan yang berwibawa untuk merealisasikan wawasan negara.
- Menampung kekurangan tempat pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam usaha mendapatkan Sijil, Diploma dan Ijazah yang sama serta setaraf dengan IPTA.
- Memberi ilmu dan latihan yang lebih mantap di dalam bidang akademik, teknologi Maklumat dan menguasai kemahiran.
- Melahirkan tenaga kerja yang berorientasikan industri di peringkat kemahiran tinggi.

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR KOLEJ ANTARABANGSA UNIFIELD

Bahagian Hal Ehwal Pelajar Kolej Antarabangsa Unifield bertanggungjawab menguruskan segala hal ehwal pelajar yang berkaitan pelaksanaan aktiviti kokurikulum, tatatertib, kaunseling, kebudayaan, kemajuan akademik, kebajikan pelajar, keusahawanan dan pelajar luar kampus. Unit ini menyediakan perkhidmatan bagi menyokong aktiviti pembangunan pelajar, kebajikan, sokongan akademik dan keusahawanan pelajar yang dapat memenuhi ekspektasi pelanggan. Pada masa ini bahagian HEP mempunyai empat (4) unit kecil yang mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang tersendiri iaitu :

- Unit Pentadbiran
- Unit Sukan, Rekreasi dan Ko-Kurikulum
- Unit Kaunseling, Kerjaya dan Alumni
- Unit Disiplin dan Pendakwaan

Misi

Melahirkan graduan yang bersahsiah tinggi, berpersonaliti unggul dan mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi melalui proses pembangunan insan yang berkualiti dan perkhidmatan yang cemerlang serta penyediaan prasarana yang kondusif.

Visi

Menjadi pusat pembangunan insan yang unggul, taqwa dan cemerlang.

Objektif

1. Melahirkan pelajar yang memiliki sahsiah diri yang murni dan mempunyai nilai kerohanian yang tinggi.
2. Menyelaras, merancang dan menyelia aktiviti pelajar.
3. Melahirkan pelajar yang berkarisma dan memiliki sifat kepimpinan yang tinggi.
4. Membimbing pelajar ke arah kecemerlangan.
5. Melahirkan pelajar yang sihat, cergas dan berwawasan.

Piagam Pelanggan

- Memberi layanan yang mesra, cekap dan amanah kepada semua pelanggan.
- Mengambil tindakan terhadap semua masalah atau aduan yang diterima selewat-lewatnya dalam tempoh lima (5) hari waktu bekerja.
- Menyediakan program kerohanian, moral dan sukan kepada pelajar untuk peningkatan sahsiah dan kecergasan pelajar.
- Memberi perkhidmatan kaunseling secara profesional dan mesra pelanggan serta mengamalkan etika kerahsiaan .
- Memberi khidmat nasihat kepada kelab dan persatuan pelajar berkaitan dengan pelaksanaan program dan aktiviti.
- Menjalankan bimbingan kerjaya dan pengesahan graduan di samping membantu melaksanakan aktiviti atau program yang berkaitan dengan alumni.
- Mengurus semua aktiviti pembangunan pelajar dari segi latihan, pertandingan atau penyertaan di peringkat kolej atau kolej-kolej bersekutu.

B) PERATURAN AM

1. Larangan-Larangan Am

Seseorang pelajar tidak boleh:-

- (a) Menjalankan urusannya sama ada di dalam kampus atau di luar kampus dalam apa cara yang boleh merosakkan atau memudaratkan:-
 - (i) Kepentingan, kesejahteraan atau nama baik kolej, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja kolej atau;
 - (ii) Ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tatatertib.
- (b) Mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam kampus atau di luar kampus.
- (c) Mengganggu pengajaran, pengajian, penyelidikan, kerja pentadbiran atau apa-apa kegiatan yang dijalankan dan dibenarkan oleh kolej.
- (d) Melarang, menghalang atau mengganggu mana-mana pegawai atau pekerja daripada menjalankan kewajipan atau tugasnya.
- (e) Melarang, menghalang atau mengganggu mana-mana pelajar daripada menghadiri kuliah, tutorial kelas atau daripada mengambil bahagian dalam sesuatu aktiviti yang sah.

- (f) Menganjur, menghasut atau menyertai pemuluan apa-apa peperiksaan, kuliah, tutorial, kelas atau kegiatan sah lain yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau dengan kebenaran kolej.
- (g) Merosak, mengubah, mengganggu, mengalih atau dalam apa-apa cara berurusan dengan apa-apa bahan, objek, artikel atau harta dalam kolej.
- (h) Melakukan apa-apa perbuatan atau menyebabkan apa-apa perbuatan di dalam kampus, supaya menyebabkan atau mungkin menyebabkan halangan, kesulitan, kekusaran, kerugian atau kerosakan kepada mana-mana orang di dalam kolej.
- (i) Melanggar apa-apa arahan atau kehendak pustakawan kolej, anggota kakitangan perpustakaan atau pekerja perpustakaan lain berkenaan dengan penggunaan perpustakaan, buku-buku dalam perpustakaan dan kemudahan-kemudahan lain dalam perpustakaan.
- (j) Melanggar apa-apa arahan atau kehendak orang yang diberi kuasa berkenaan penggunaan mana-mana makmal, peralatan makmal, perkakas atau bahan, dan kemudahan lain dalam makmal.

2. Menganjurkan Perhimpunan

- (a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kebenaran terdahulu Ketua Eksekutif mengadakan, menganjurkan, atau memanggil atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan, atau dipanggil atau dalam apa-apa cara, terlibat dalam pengadaaan, penganjuran, atau pemanggilan, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan, atau dipanggil, atau, dalam apa-apa cara terlibat dalam melakukan apa-apa perbuatan untuk mengadakan, menganjurkan atau memanggil, apa-apa perhimpunan yang lebih daripada lima orang dalam mana-mana bahagian kampus atau atas mana-mana tanah atau dalam mana-mana bangunan yang dipunyai oleh atau di bawah milikan atau kawalan kolej atau yang digunakan bagi maksud kolej.
- (b) Dalam memberi kebenaran yang tersebut dalam subkaedah (a), Ketua Eksekutif boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang disifatkan perlu atau sesuai.
- (c) Tiada pelajar boleh menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan yang berlangsung dengan subkaedah (a) atau (b).

3. Pembesar Suara

- (a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh memiliki atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, bagi maksud ucapan awam, apa-apa pembesar suara atau alat-alat serupa lain tanpa kelulusan terdahulu Ketua Eksekutif.
- (b) Dalam memberikan kelulusan dalam subkaedah (a), Ketua Eksekutif boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang disifatkan perlu atau sesuai.

4. Sepanduk

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh:-

- (a) Membuat atau menyebabkan supaya dibuat atau melakukan apa-apa perbuatan untuk membuat atau menyebabkan supaya dibuat.
- (b) Mengibar, mempamer, menunjukkan atau dalam apa-apa cara menggunakan atau menyebabkan supaya dikibar, dipamer, ditunjukkan atau dalam menggunakan ; atau
- (c) Memiliki atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar, atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, apa-apa bendera, sepanduk, plakad, poster, lambang atau alat lain yang keadaan tidak berdisiplin, kekacauan, keingkaratan atau pelanggaran kaedah-kaedah ini.

5. Penerbitan, Dokumen dan Sebagainya

- (a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, tanpa kebenaran terdahulu Ketua Eksekutif, boleh menerbitkan, membahagi-bahagikan atau mengedarkan apa-apa dokumen di dalam kampus atau di luar kampus.
- (b) Dalam memberikan kebenaran di bawah subkaedah (1), Ketua Eksekutif boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang difikirkan perlu atau sesuai.
- (c) Kebenaran yang dikehendaki di bawah kaedah ini hendaklah sebagai tambahan bagi apa-apa lesen, permit atau apa-apa bentuk lain pemberikuasaan yang dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

6. Kegiatan Pelajar Luar Kampus

- (a) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar kampus yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada kolej atau yang memudaratkan kepentingan kolej.
- (b) Ketua Eksekutif boleh mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan kegiatan yang memudaratkan kepentingan kolej.

7. Pelajar Yang Melibatkan Diri Dalam Pekerjaan Dan Sebagainya

- (a) Tiada pelajar boleh, di dalam kampus atau di luar kampus, melibatkan diri dalam apa-apa pekerjaan, pengajian, perniagaan, perdagangan atau kegiatan lain, sama ada atas dasar sepenuh masa atau sambilan sebelum mendapat kebenaran pengurus.

8. Representatif Berhubungan Dengan Kolej

Tiada pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh, tanpa kelulusan Ketua Eksekutif terlebih dahulu membuat apa-apa representatif atau apa-apa perhubungan lain, sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, kepada mana-mana pegawai awam atau kepada akhbar atau kepada orang ramai dalam perjalanan kuliah, ucapan atau pernyataan awam atau dalam perjalanan apa-apa penyiaran melalui bunyi atau gambar yang berhubungan dengan sesuatu perkara berkaitan dengan kolej atau dengan kakitangan atau pelajar kolej, atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar kolej.

9. Bantahan Pelajar Terhadap Kemasukan Orang-orang Ke Dalam Kampus

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membuat apa-apa bantahan, sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, terhadap kemasukan ke dalam, atau kehadiran dalam, atau larangan atau pemecatan mana-mana orang, badan atau kumpulan orang dari kampus.

10. Judi Di Dalam Kampus

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh menganjur, mengurus, menjalankan atau membantu dalam penganjuran, pengurusan atau perjalanan, pertandingan loteri atau pertaruhan di dalam kampus.

11. Meminum Minuman Keras

- (a) Tiada pelajar boleh, di dalam kampus, meminum atau mempunyai di dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa jua minuman keras.
- (b) Mana-mana pelajar yang didapati berada dalam keadaan mabuk atau yang berkelakuan tidak senonoh di bawah pengaruh minuman keras di dalam kampus adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

12. Bahan Lucah

- (a) Tiada pelajar boleh, di dalam kampus mempunyai, dalam milikannya atau dibawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah.
- (b) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, yang boleh membahagi-bahagikan, mengedarkan atau mempamerkan, atau menyebabkan supaya dibahagi-bahagikan, diedarkan atau dipamerkan, atau dalam apa-apa cara mengambil bahagian dalam pembahagian, pengedaran atau mempamerkan, apa-apa bahan lucah di dalam kampus.
- (c) Seseorang pelajar hendaklah disifatkan sebagai membahagi-bahagikan atau mempamerkan sesuatu bahan lucah, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau pempameran itu kepada satu orang sahaja atau kepada lebih daripada satu orang yang sama ada atau tidak ada pembahagian, pengedaran atau pempameran itu adalah bagi apa-apa balasan lain.

13. Dadah Atau Racun

- (a) Tiada pelajar boleh mempunyai dalam milikannya atau dibawah jagaannya atau kawalannya apa-apa dadah (Akta Dadah Berbahaya 1952) atau racun (Akta Racun 1952 (Peraturan-peraturan racun (pindaan) 2010).
- (b) Tiada pelajar boleh memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa racun kepada mana-mana orang.
- (c) Tiada pelajar boleh makan melalui mulut atau menghisap atau memasukkan ke dalam badannya dengan suntikan atau dalam apa-apa jua cara lain, apa-apa dadah atau racun.
- (d) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah preskripsi pengamal perubatan yang berdaftar dibawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].
- (e) Mana-mana pelajar yang didapati dibawah pengaruh mana-mana dadah adalah melakukan kesalahan tatatertib.
- (f) Ketua Eksekutif boleh menghendaki seorang pelajar yang disyaki menagih dadah menjalani ujian air kencing.
- (g) Jika seseorang pelajar enggan menyerahkan dirinya untuk menjalani ujian yang tersebut dalam subkaedah (f), dia adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

14. Kebersihan Di Dalam Kampus

Seseorang pelajar tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam kampus atau mana-mana asrama, dewan, kuliah, jalan, kawasan atau mana-mana bahagian kampus lain, atau binaan lain di dalam kampus.

15. Membuat Bising

Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising atau menyebabkan apa-apa bunyi atau bising dikeluarkan, dalam apa-apa cara, jika bunyi atau bising itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kemarahan atau gangguan kepada mana-mana orang di dalam kampus.

16. Pemeriksaan Ke Atas Pelajar Yang Disyaki Mempunyai Gangguan Mental

Ketua Eksekutif boleh menghendaki seseorang pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental menjalani pemeriksaan perubatan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan.

17. Tempat Tinggal Atau Tempat Tidur Dalam Kampus

Tiada pelajar boleh menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bahagian kampus atau mana-mana bahagian bangunan di dalam kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur kecuali tempat tinggal yang disediakan untuknya dalam asrama oleh universiti.

18. Memasuki Bahagian Atau Bangunan Kampus Yang Dilarang

Seseorang pelajar tidak boleh masuk ke dalam mana-mana bahagian kampus atau mana-mana bahagian mana-mana bangunan di dalam kampus, yang kemasukan di dalamnya dilarang kepada pelajar amnya, terutamanya, kepada pelajar atau sesuatu kelas pelajar.

19. Merokok

Kawasan kolej adalah merupakan kawasan larangan merokok. Pelajar dilarang merokok di dalam kawasan kolej.

20. Keingkaran

Jika seseorang pelajar melanggar apa-apa arahan atau kehendak yang sah yang diberikan atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja kolej yang diberikan kuasa untuk memberi atau membuat arahan atau kehendak di dalam kampus.

C) ETIKA TATATERTIB DAN DISIPLIN PELAJAR KOLEJ ANTARABAGSA UNIFIELD

LAMPIRAN 1

PAKAIAN DAN RUPA DIRI PELAJAR LELAKI

1) Baju :-

- i) Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
- ii) Sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (*tucked-in*).
- iii) Mestilah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
- iv) Pemakaian baju Melayu (baju Kebangsaan) dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang beserta kain sampin dan bersongkok hitam.
- v) Kemeja T berkolar yang tiada tulisan atau gambar yang membawa maksud negatif kepada masyarakat.
- vi) **Diwajibkan memakai Kad Matrik / Kad Pelajar** sepanjang berada dalam kawasan kolej.



2) Seluar :-

- i) Seluar panjang dan berwarna gelap.
- ii) Seluar denim / jeans dibenarkan.
- iii) Longgar / tidak ketat.
- vi) Seluar jeans dibenarkan pakai (kecuali semasa di dalam peperiksaan akhir semester)



3) Kasut :-

- i) Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat, sempurna dan berstokin.
- ii) Selipar, terompah, capal dan sebagainya adalah dilarang semasa menghadiri kuliah dan/atau bengkel.
- iii) Kasut yang berladam logam dan berbunyi bising adalah dilarang.
- iv) Kasut *crocs* tidak dibenarkan.



4) Rambut :-

- i) Rambut sentiasa kemas. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak menutup dahi.
- ii) **Rambut berfesyen yang melambangkan budaya yang tidak baik seperti afro, punk, berekor dan diwarnakan adalah dilarang.**
- iii) Tidak dibenarkan membotakkan kepala kecuali yang disyariatkan oleh agama atau masalah kesihatan.



PAKAIAN DAN RUPA DIRI PELAJAR PEREMPUAN

1) Baju :-

- i) Pakaian yang menutup aurat, bersih, kemas dan sopan bagi semua pelajar muslim.
- ii) Pakaian menjolok mata (seperti pakaian ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian seperti dada, pusat, bahu dan belakang) adalah dilarang.
- iii) Pakaian hendaklah berlelgan panjang sampai ke pergelangan tangan.
- iv) Labuh baju sekurang-kurangnya menutup punggung.
- v) Pelajar bukan muslim dilarang memakai skirt yang lebih pendek daripada paras lutut.
- vi) Tidak dibenarkan memakai Kemeja T berkolar yang tiada tulisan atau gambar yang membawa maksud negatif kepada masyarakat.
- vii) **Diwajibkan memakai Kad Matrik / Kad Pelajar** sepanjang berada dalam kawasan kolej.



2) Sarung dan Maxi :-

- i) Labuh.
 - ii) Longgar/tidak ketat.
 - iii) Tidak jarang.
- Seluar :-**
- i) Seluar panjang dan berwarna gelap.
 - ii) Seluar denim / jeans tidak dibenarkan.
 - iii) Longgar / tidak ketat / dan singkat atas buku lali tidak dibenarkan.

a) PELAJAR PEREMPUAN MUSLIM

DIWAJIBKAN BERTUDUNG sepanjang berada dalam kawasan kolej.

b) **PELAJAR PEREMPUAN BUKAN MUSLIM HARUS MENGIKAT RAMBUT DENGAN KEMAS DAN TIDAK DIBENARKAN BERAMBIT PERANG** sepanjang berada dalam kawasan kolej.

3) Kasut :-

- i) Hendaklah sesuai untuk ke kuliah dan pejabat.
- ii) Selipar, terompah, capal dan sebagainya adalah dilarang semasa menghadiri kuliah dan/atau bengkel.
- iii) Kasut yang berladam logam dan berbunyi bising adalah dilarang.



4) Rambut dan Bertudung:-

- i) Hendaklah bertudung bagi beragama islam dan kemas beridentitikan seorang pelajar perempuan.
- ii) Rambut berfesyen yang melambangkan budaya yang tidak baik seperti afro, punk, berekor dan diwarnakan adalah dilarang.
- iii) Bagi bukan Muslim, rambut tidak boleh diwarnakan dan pastikan rambut sentiasa kemas atau diikat dengan baik.

CARA PEMAKAIAN TUDUNG YANG SESUAI



5)Perhiasan :

- i) Tidak digalakkan memakai barang kemas.



PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN KAD MATRIK DI DALAM KAWASAN KAMPUS

- i) Setiap pelajar mestilah sentiasa memakai Kad Pelajar semasa berada di dalam kampus. Tanpa Kad pelajar, para pelajar tidak dibenarkan menghadiri kuliah atau bengkel.
- ii) Kad pelajar mesti dipakai pada paras dada supaya boleh dilihat dengan jelas. Pelajar hendaklah mempamerkan bahagian hadapan Kad Pelajar (gambar) ke hadapan.
- iii) Pelajar juga tidak dibenarkan memakai Kad Pelajar kepunyaan pelajar lain atau menyalahgunakan kad tersebut untuk tujuan yang difikirkan tidak elok untuk kolej.
- iv) Jika kad pelajar hilang/rosak anda akan dikompaun sebanyak RM 10.00. Kad yang baru boleh didapati dengan memohon dengan Bahagian Hal Ehwal Pelajar kolej dengan bayaran RM12.00 (Dua Belas Ringgit Malaysia Sahaja).



PENJAGAAN HARTA BENDA KOLEJ

- i) Pelajar tidak boleh merosak, menghilangkan atau memusnahkan sebarang harta benda Kolej.
- ii) Laporkan kepada pihak pentadbiran jika berlaku sebarang kerosakan atau kehilangan harta benda kolej.
- iii) Pelajar tidak boleh menconteng atau melukis atas kerusi, meja, bilik kuliah, bangunan dan apa-apa peralatan atau kemudahan kolej.
- iv) Pelajar hanya dibenarkan menggunakan kemudahan, peralatan dan/ atau bilik kuliah kolej untuk kegiatan ko-kurikulum dengan keizinan pihak pentadbiran. Permohonan mesti dibuat secara bertulis kepada pejabat pentadbiran sekurang-kurangnya 3 hari sebelum kegiatan diadakan.



PENGUATKUASAAN WAKTU KELUAR MASUK ASRAMA PELAJAR

Para pelajar tidak dibenarkan keluar/ masuk kawasan asrama selepas jam 11.00 malam sehingga jam 6.30 pagi kecuali telah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Unit Disiplin dan Tatatertib, HEP. Tindakan disiplin akan diambil iaitu kompaun serta-merta oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) atau Unit Keselamatan UIC kepada pelajar UIC.



PELAJAR YANG DIDAPATI INGKAR, BOLEH DIKENAKAN AMARAN, KOMPAUN ATAU DIHADAPKAN KEPADA PIHAK BERKUASA TATATERTIB PELAJAR ATAS KESALAHAN BERULANG.

**Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Kolej Antarabangsa Unifield**

E) LAMPIRAN

Kesalahan yang selalu dilakukan oleh siswa/ siswi ialah:-

1. Tidak memakai/ menggantung kad pelajar semasa berada didalam kampus. (Akta 174 Jadual 2 Bahagian II - Tatatertib Am Kaedah 23).
2. Lelaki berambut panjang - (Akta 174 Jadual 2 Bahagian II - Tatatertib Am Kaedah 3(b) & 24 (Sahsiah Rupa diri Pelajar).
3. Pakaian tidak kemas - (Akta 174 jadual 2 Bahagian II - Tatatertib Am Kaedah 3 (b) & 24 (Sahsiah Rupa diri Pelajar).
4. Berdua-duaan Lelaki/Perempuan) - Akta 174 Jadual 2 Bahagian II- Tatatertib Am Kaedah 3 (a) & (b).
5. Tatatertib lalulintas jalan - (Akta 174 Jadual 2 Bahagian IV - kaedah 33 hingga kaedah 45).
6. Lain-lain kesalahan yang bertentangan dengan peraturan dalaman dan Akta 174 seperti penggunaan kad keluar/ masuk kampus, melanggar peraturan kolej dan lain-lain.

Disediakan oleh,

**Unit Disiplin & Pendakwaan,
Bahagian Hal Ehwal Pelajar,
Kolej Antarabangsa Unifield.**

F) IKRAR PELAJAR

Bahawasanya,
Kami siswa siswi Unifield berikrar,
Akan menumpukan sepenuh usaha dan tenaga kami,
Untuk mempertingkatkan prestasi demi mencapai keputusan yang cemerlang.
Kami berjanji,
Akan sentiasa taat pada perintah tuhan,
Kedua ibu bapa dan pensyarah pensyarah kami,
Kami juga akan sentiasa
menjaga nama baik Unifield,
mencintai warga Unifield,
dan memelihara harta benda Unifield,
dengan ini,
kami akan terus memastikan
Unifield terus unggul ,taqwa dan cemerlang (3x)

G) AKUJANJI PELAJAR



AKUJANJI PENERIMAAN PERATURAN AM PELAJAR KOLEJ ANTARABANGSA UNIFIELD

Bahawasanya saya,

No.K/P..... sebagai pelajar Kolej Antarabangsa Unifield dengan sepenuh kerelaan BERAKUJANJI:

- MENGGUNAKAN PELUANG DENGAN SEPENUHNYA UNTUK MENINGGIKAN TARAF AKADEMIK, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN,
- MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN SEGALA PERATURAN DENGAN SEPENUHNYA,
- MENJAGA DAN MEMELIHARA NAMA BAIK KOLEJ, MENGHORMATI KAKITANGAN AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK DAN SESAMA SISWA-SISWI SERTA MEMELIHARA HARTA BENDA KOLEJ DENGAN SEBAIKNYA,
- MENGHORMATI TATASUSILA BERDASARKAN AGAMA DAN BERSOPAN SANTUN DARI SEGI KELAKUAN DAN PAKAIAN SERTA SAHSIAH RUPA DIRI,
- MEMBUAT BAYARAN BAGI SEGALA KOS PEMBELAJARAN SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN DI KOLEJ ANTARABANGSA UNIFIELD,
- TIDAK TERLIBAT DENGAN MANA-MANA AKTIVITI YANG BOLEH MENYEBABKAN DISABIT KESALAHAN DENGAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA DAN SEKALIGUS MELIBATKAN PIHAK KETIGA YANG MUNGKIN BOLEH MEMJEJASKAN NAMA BAIK KOLEJ DAN JUGA NAMA BAIK AGAMA SERTA NEGARA,
- SAYA JUGA BERAKUJANJI BAHAWA PIHAK KOLEJ TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DENGAN APA-APA MASALAH YANG BAKAL SAYA HADAPI DISEBABKAN TINDAKAN SAYA DAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGENAKAN TINDAKAN YANG SEWAJARNYA SERTA UNTUK MENYINGKIRKAN SAYA JIKA DIDAPATI BERSALAH MELAKUKAN SEBARANG KESALAHAN SEPERTI TERMAKTUB DALAM PERATURAN KOLEJ.
- SEKIRANYA SAYA MELANGGAR AKUJANJI INI SAYA BERSEDIA MENERIMA HUKUMAN YANG SEWAJARNYA.

Pelajar

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. KP : _____

Kursus : _____

Tarikh : _____

Saksi

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. KP : _____

Kursus : _____

Tarikh : _____